

Terbeban Dengan Jumlah  
Cukai Yang Tinggi?

# Rayuan Cukai – Satu Alternatif



Bersama  
**SALIHIN ABANG**  
CA (M), CFP, ATII, B.ACC (IIUM)  
**Asna Tax Services**  
Sdn Bhd  
[www.salihin.com.my](http://www.salihin.com.my)

## Pengenalan

**S**EBAGAI usaha memoden dan memperkemas sistem pentadbiran cukai negara, Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) telah memperkenalkan beberapa pembaharuan ke atas amalan percukaian di Malaysia. Antaranya, mulai tahun 2001, Sistem Taksiran Sendiri (STS) telah digunakan ke atas syarikat-syarikat di Malaysia manakala untuk kumpulan individu, peniaga dan pekerja, STS dilaksanakan mulai tahun 2004 secara berperingkat.

Di bawah STS, pembayar cukai bertanggungjawab dalam membuat taksiran cukai pendapatan yang perlu mereka bayar dalam tahun taksiran semasa, melaporkan anggaran cukai tersebut kepada badan cukai yang bertanggungjawab, menjelaskan bayaran cukai bulanan serta mengemukakan Borang Penyataan Pendapatan dalam tempoh masa yang ditetapkan.

Antara tujuan LHDN memperkenalkan STS adalah untuk mendidik pembayar cukai menguruskan hal-hal percukaianya dengan lebih baik, menggalakkan pematuhan cukai secara sukarela, meluaskan jaringan cukai serta menguatkuasa pematuhan cukai melalui audit dan penyiasatan cukai.

Bagaimanapun, di bawah STS, sekiranya pembayar cukai tidak berpuas hati dengan taksiran cukai pendapatan, cukai keuntungan harta tanah atau cukai pendapatan petroleum yang ditetapkan oleh Ketua Pengarah LHDN, beliau berhak membuat rayuan terhadap taksiran tersebut. Hak untuk membuat rayuan termaktub di dalam seksyen 99, Akta Cukai 1976 manakala prosedur rayuan cukai terkandung di dalam Jadual 5, Akta Cukai Pendapatan 1967.

Section 99 (1) of Income Tax Act 1967 states that:

*“A person aggrieved by an assessment made in respect of him may appeal to the Special Commissioners against the assessment by giving to the Director General within thirty days after the service of the notice of assessment”*

Petikan seksyen 99 (1), Akta Cukai Pendapatan 1967

Ini bermakna pembayar cukai yang tidak berpuas hati dengan

- Taksiran terdahulu
- Taksiran tambahan
- Jumlah yang dibayar balik atau
- Penalti yang dikenakan

berhak mengemukakan rayuan bertulis kepada Ketua Pengarah LHDN.

Rayuan cukai hendaklah dikemukakan kepada Pesuruhjaya Khas Cukai Pendapatan secara bertulis (dengan mengisi Borang Q) dalam masa 30 hari dari tarikh notis taksiran cukai dikeluarkan.

## Pesuruhjaya Khas Cukai Pendapatan

Pesuruhjaya Khas Cukai Pendapatan merupakan suatu badan bebas yang ditubuhkan mengikut peruntukan seksyen 98, Akta Cukai Pendapatan 1967 dan diletakkan di bawah pentadbiran Kementerian Kewangan. Tujuan utama badan bebas ini adalah untuk mendengar rayuan dan membuat keputusan mengenai pertikaian antara pembayar cukai dan pihak LHDN. Keputusan kes-kes yang didengar dibuat berasaskan tafsiran undang-undang percukaian.

Pada masa ini, Pesuruhjaya Khas Cukai Pendapatan terdiri daripada lima orang yang dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong atas nasihat Menteri Kewangan. Pesuruhjaya khas tersebut dipengerusikan oleh seorang yang berkelayakan dalam perundangan sama ada seorang daripada Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan atau seorang yang memegang jawatan yang mana Akta Saraan Hakim 1971 terpakai baginya ataupun seorang Peguambela seperti yang ditetapkan di bawah seksyen 98 (3) Akta Cukai Pendapatan 1967.

Bagaimanapun, setiap perbicaraan rayuan hanya didengar oleh satu panel yang terdiri daripada tiga orang ahli Pesuruhjaya Khas Cukai Pendapatan. Kuasa ahli Pesuruhjaya Khas Cukai Pendapatan diperuntukkan di bawah Para 19, Jadual 5, Akta Cukai Pendapatan 1967.

Keputusan yang dibuat oleh Pesuruhjaya Khas Cukai Pendapatan adalah muktamad dan menyeluruh jika tidak ada pihak yang membuat rayuan lanjutan

